



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MEMBINA TAMAN DI KAMPUNG SELAMAT, SUNGAI BULOH

Kuala Lumpur, 6 Februari 2018: Taman Linear Kampung Selamat yang dibina oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) di bawah program tanggungjawab sosial korporatnya kini dibuka secara rasmi.

Taman ini terletak bersebelahan dengan Stesen MRT Kampung Selamat di Sungai Buloh.

Taman seluas 600 meter persegi ini terletak di atas tanah rizab milik Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) yang digunakan sebagai tapak pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK). Kos membina taman itu adalah kira-kira RM500,000.

Sebuah majlis ringkas untuk membuka taman tersebut telah diadakan pada 27 Januari 2018.

Pada masa yang sama, taman itu telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang bermula dari hari itu, menjadi pemilik dan pihak yang bertanggungjawab menjaga taman itu.

Mewakili MRT Corp di majlis itu ialah Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah manakala MBPJ diwakili oleh Pengarah Jabatan Landskap Puan Zuraidah Sainan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah wakil dari Kampung Selamat Encik Ramli Yahya, wakil MBPJ Encik Nor Azmi Abdul Kadir, Pengarah MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd Encik Maslan Othman, Timbalan Ketua Operasi Pengagihan SYABAS Encik Yusof Saroji dan Pengarah Eco Design Collaboration Sdn Bhd Encik Fatthullah Mohd Nor.

MMC Gamuda merupakan Rakan Pelaksana Projek Laluan SBK manakala Eco Design adalah perunding untuk pembinaan taman tersebut.

Najmuddin berkata: "Saya berbesar hati untuk memenuhi tanggungjawab MRT Corp untuk menyumbang kembali kepada masyarakat setempat. Membina kemudahan seperti taman untuk orang ramai di sepanjang jajaran MRT terbukti bermanfaat bagi kesejahteraan mereka. "

Memberi ucapan pada majlis itu, wakil Kampung Selamat Encik Ramli Yahya berkata beliau berharap taman itu akan memberi manfaat kepada mereka yang tinggal di kawasan itu.

"Inisiatif oleh MRT Corp kepada komuniti kami adalah tidak ternilai dan taman ini bukan sahaja akan dijadikan sebagai taman untuk bersenam, malah akan dijadikan sebagai laluan untuk ke stesen," dia berkata.



Sebagai sebuah organisasi Kerajaan, MRT Corp berhasrat untuk menyumbang kembali kepada masyarakat setempat sepanjang jajaran Projek MRT.

-TAMAT/-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Leong Shen-li 012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Amalina Ghazali 016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my

No.	Pic.	Kapsyen
1.		<p>KINI DIBUKA: Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Dato' Najmuddin Abdullah (keempat dari kanan) bergambar beramai-ramai di hadapan jalan masuk ke Taman Linear Kampung Selamat. Bersama beliau ialah wakil-wakil daripada MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, Eco Design Collaboration Sdn Bhd dan komuniti Kampung Selamat.</p>
2.		<p>PENYERAHAN: Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Dato' Najmuddin Abdullah menyampaikan dokumen berkaitan pembinaan taman kepada Pengarah Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Puan Zuraidah Sainan semasa penyerahan dan pembukaan rasmi Taman Linear, Kampung Selamat.</p>
3.		<p>LAWATAN TAMAN: Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Dato' Najmuddin Abdullah (kiri) serta hadirin meninjau taman rekreasi Taman Linear, Kampung Selamat.</p>

4.



BALAPAN: Pandangan dari udara laluan jogging di Taman Linear Kampung Selamat yang telah dibina oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp).